

Headline	Pusat Teknologi Herba FRIM terima sijil pengiktirafan antarabangsa		
MediaTitle	Utusan Borneo Sabah		
Date	12 Apr 2022	Color	Black/white
Section	General News	Circulation	11,223
Page No	2	Readership	33,669
Language	Malay	ArticleSize	87 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 177
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 531



Pusat Teknologi Herba FRIM terima sijil pengiktirafan antarabangsa

KUALALUMPUR: Pusat Teknologi Herba (HTC) Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), telah menerima pensijilan Amalan Pengilangan Baik (GMP) untuk makanan dan Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP).

FRIM dalam satu kenyataan semalam mengatakan HTC menerima sijil GMP untuk makanan (MS1480:2019) dan HACCP MS1480:2019 itu, daripada badan pensijilan KIWA International Certification (M) pada 3 Sept 2021.

HTC FRIM juga menerima sijil TQCSI HACCP Code: 2022 pada 16 Sept 2021 bagi

fasiliti pengekstrakan HTC baharu, yang telah dinaik taraf pada tahun 2020 di bawah projek Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11).

Ketua Pengarah FRIM Dr Ismail Parlan dalam kenyataan berkenaan berkata pensijilan itu, mengesahkan perkhidmatan HTC dalam mengesan, menilai dan mengawal sumber pencemaran, yang signifikan kepada keselamatan makanan, sekaligus memastikan produk dihasilkan selamat untuk dimakan.

“Saya berharap pengiktirafan ini dapat meningkatkan lagi kepercayaan dan keyakinan

pengguna dan pihak industri, terhadap produk hasilan FRIM serta kemampuan HTC untuk memberi perkhidmatan yang memuaskan.

“Pencapaian mutakhir ini, selaras dengan usaha transformasi FRIM ke arah menjadi sebuah institusi penyelidikan terkemuka, yang mampu menyediakan perkhidmatan menghasil dan mengkomersialkan produk serta teknologi hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D), bukan hanya di peringkat kebangsaan bahkan di peringkat global,” katanya dalam kenyataan tersebut. — Bernama